

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.08.2017

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah pegawai kastam yang bekerja di Senari Port Kuching. Sila senaraikan dalam jadual mengikut kedudukan, pangkat gaji, asal dari mana, jangka masa bekerja di situ dan lain-lain. Senaraikan juga jumlah pegawai kastam yang kini berada di Sarawak mengikut butiran yang sama serta tempat bekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini jumlah pegawai dan kakitangan kastam yang berkerja di Senari Port Kuching

adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada pelbagai gred dan diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Kastam I gred WK52. Dari jumlah tersebut, seramai 48 orang berasal dari Sarawak dan baki seramai 12 orang pula berasal dari luar Sarawak. Dari segi tempoh masa bekerja, adalah didapati 34 orang telah berkerja dalam tempoh masa di antara 1 tahun hingga 6 tahun manakala baki 26 orang telah bekerja kurang dari tempoh masa 1 tahun.

2) Manakala jumlah bagi pegawai dan kakitangan Kastam yang bekerja di negeri Sarawak adalah seramai 1,216 orang yang diketuai oleh Pengarah Kastam Negeri gred VU7. Daripada jumlah tersebut, pecahan pegawai dan kakitangan yang bertugas mengikut bahagian di Sarawak adalah, Kuching berjumlah 627 orang, Tebedu 16 orang, Miri 159 orang, Sibu 144 orang, Bintulu 96 orang, Sarikei 68 orang, Limbang 67 orang dan Lawas 39 orang.